

## SURAT AKUAN

Saya.....  
No. Kad Pengenalan ..... beralamat  
di .....  
.....

Adalah seorang warganegara Malaysia dengan sesungguhnya dan sebenar-benarnya menyatakan/ mengaku bahawa :-

1. Saya telah membuat permohonan Lesen Sementara Perniagaan Di Kawasan Majlis Perbandaran Klang
  
2. Saya adalah Pemilik Syarikat.....  
No. Pendaftaran Syarikat.....  
yang berdaftar di alamat .....  
.....
  
3. Saya akan mematuhi dan mengambil maklum syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Klang seperti berikut :-
  - i. Mendapatkan sokongan pelesenan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Zon Klang (sekiranya berkaitan);
  
  - ii. Mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Majlis Perbandaran Klang jika melibatkan tukarguna bangunan atau perkara lain yang berkaitan;
  
  - iii. Mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Bangunan, Majlis Perbandaran Klang jika melibatkan ubahsuai bangunan atau perkara lain yang berkaitan;
  
  - iv. Mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (sekiranya berkaitan);
  
  - v. Mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri jika melibatkan percetakan;
  
  - vi. Mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jika melibatkan barang kawalan;

- vii. Mendapatkan sokongan polis jika melibatkan penjualan barang-barang terpakai/ sekenhend atau apa-apa yang berkaitan;
- viii. Mendapatkan pengesahan iklan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka;
- ix. Mendapatkan sokongan dan pengesahan daripada Agensi-Agensi dan Jabatan-Jabatan yang berkaitan;
- x. Syarat-syarat lain yang akan ditetapkan oleh Majlis;
- xi. Majlis boleh membatalkan Lesen Sementara Perniagaan ini sekiranya pemegang Lesen Sementara Perniagaan gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis, Agensi dan Jabatan berkaitan dalam tempoh Lesen Sementara Perniagaan ini berkuatkuasa dan tindakan undang-undang akan dilaksanakan.

4. Saya juga sedar bahawa Majlis bergantung kepada Surat Akuan saya ini dan saya boleh apabila disabitkan tindakan di bawah mana-mana undang-undang yang digunapakai oleh Majlis Perbandaran Klang sekiranya saya gagal dan ingkar mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Klang.

Dan saya membuat Surat Akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalam perakuan ini adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat oleh )  
 ..... )  
 (No. K/P:..... )  
 di dalam negeri )  
 pada )

Di hadapan saya,

.....

Pesuruhjaya Sumpah